

Ahad, 30 November, 1980

Nilai hidup jamin maju mundur negara

Formula baru

budaya, perlu

PORT DICKSON, Sabtu — Formula baru menentukan nilai kebudayaan yang dapat menyatukan masyarakat berdisiplin, perlu dicipta.

Demikian Timbalan Perdana Menteri menegaskan. Sikap mengamalkan nilai hidup negatif, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed, akan meruntuhkan masyarakat dan negara.

"Amalan tidak sihat seperti ini telah terbukti menjadi punca utama kemerosotan ekonomi beberapa negara Eropah yang dahulunya berpengaruh di seluruh dunia," ujar beliau merasmikan 'Seminar Nilai-nilai Bersama Masyarakat Malaysia'.

Kepesatan pembangunan ekonomi beberapa negara seperti Korea Selatan sejak 15 tahun lalu, tambahnya, adalah kerana nilai hidup yang berlandaskan kerajinan dan disiplin.

Menurut beliau, pembahagian kaum di negara ini bukan semata-mata berdasarkan keturunan, tapi juga amalan kebudayaan.

Hakikat ini, kata beliau, perlu diberi perhatian utama supaya nilai bersama dapat mendekatkan lagi kaum di negara ini.

"Nilai-nilai bersama bersifat universal dan yang penting ialah praktiknya, bukan sesuatu yang

Oleh **RADZI MUSTAPHA**

diperkatakan tentang nilai itu," jelasnya lagi.

Usaha membentuk nilai itu, tambah Timbalan Perdana Menteri, perlu dijalankan segera kerana maju mundur sesebuah negara letak kepada nilai hidup dan amalan rakyatnya.

"Sebilangan rakyat sedar kepentingan nilai kerajinan dan disiplin, tapi mereka mengemukakan berbagai alasan untuk tidak mengamalkan," katanya.

Bellau berharap para peserta seminar akan mencari nilai-nilai bersama untuk diamalkan supaya

langkah ini akan bermanfaat kepada pembangunan negara.

"Seminar seperti ini tidak harus mencari kesalahan orang lain, tapi menilai pencapaian diri sendiri dan membuktikan kelemahan yang wujud," tambah beliau.

"Saya harap seminar ini dapat mencari jalan penyelesaian bagaimana nilai-nilai bersama dari segi kebudayaan dan kehidupan sehari-hari dapat membentuk satu rupa bangsa Malaysia yang dingini," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Ini penting, tegasnya, supaya rakyat dapat membangunkan negara.